

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Masalah Penyelidikan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mula dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 1964 melalui Surat Pekeliling KP 5209/35/14 (4) yang mengkehendaki setiap sekolah melantik seorang guru bimbingan di sekolah. Di setiap sekolah ditempatkan seorang guru yang bertanggungjawab mengendalikan aktiviti panduan dan kerjaya untuk pelajar-pelajar. Dalam Surat Pekeliling ini juga dinyatakan bahawa kemudahan asas iaitu satu tempat yang baik dan sesuai hendaklah disediakan untuk guru panduan dan kerjaya supaya dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Sejak itu berbagai-bagai kursus pendedahan panduan dan kerjaya telah diadakan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Sekolah-Sekolah untuk guru bimbingan.

Walaupun berbagai-bagai kursus pendedahan telah diadakan, namun program bimbingan masih belum dilaksanakan dengan berkesan. Kajian yang dijalankan oleh Roslan Said (1978) dan Mohd Hisa Tahat (1980) yang menunjukkan bahawa perkhidmatan ini dijalankan secara ‘ad hoc’ atau sekadar “lip service” sahaja. Masalah yang dihadapi adalah seperti kekurangan kemudahan asas, peruntukan kewangan, masa, dan ketiadaan tenaga terlatih dalam bidang ini.

Fenomena yang biasa dilihat di sekolah-sekolah ialah kekeliruan tanggapan para guru, pentadbir, dan pelajar terhadap konsep bimbingan dan kaunseling. Bagi para guru, bimbingan pada amnya merupakan proses memberi nasihat. Oleh itu, perkhidmatan ini

dianggap mudah dan boleh dilakukan oleh para guru. Keadaan ini disokong oleh dapatan kajian Roslan bin Said (1978). Kajian soal-selidiknya ke atas 10 buah sekolah di Wilayah Persekutuan mendapati bahawa perkhidmatan bimbingan dianggap oleh para guru sebagai perkhidmatan gerak kerja sampingan dan tumpuan hanya diberikan kepada penyebaran maklumat kerjaya. Mohd Hisa bin Tahat (1980) dalam kajiannya ke atas 6 buah sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan juga mendapati guru-guru termasuk guru besar tidak memahami konsep bimbingan dan kaunseling.

Untuk membetulkan kekeliruan tanggapan terhadap konsep bimbingan dan kaunseling di sekolah, Kementerian Pelajaran telah menukar nama Unit Panduan Pelajar dan Kerjaya kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling pada tahun 1980. Selain itu, pada tahun 1985 Kementerian Pelajaran melalui Surat Pekeliling Pentadbiran No.3167 (Pindaan 8/12/1982) juga mewajibkan penempatan seorang guru panduan dan kerjaya di setiap sekolah menengah. Berbagai-bagai langkah telah diambil untuk mengatasi kelemahan yang sedia ada. Pada tahun 1984 Unit Bimbingan dan Kaunseling telah menerbitkan buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah untuk rujukan para pentadbir dan guru, khasnya guru-guru bimbingan dan kaunseling. Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling menggariskan beberapa objektif yang perlu dicapai dalam perkhidmatan ini. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Memberi khidmat penyuburan dan pengayaan meliputi semua aspek perkembangan diri pelajar selaras dengan kemampuan dan potensi pelajar.

- b. Memberi khidmat pencegahan iaitu menghindarkan pelajar daripada terlibat dalam perbuatan salah laku.
- c. Memberi khidmat bersifat pemulihan dengan tujuan mengorientasikan semula pelajar yang bermasalah peribadi, pelajaran, kerjaya dan sosial supaya pelajar mampu menghadapi dan mengatasi masalah mereka.
- d. Memberi khidmat kaunseling krisis kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya.

Dengan inisiatif ini perkembangan positif dapat dilihat dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Laporan Tahunan Unit Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pelajaran Malaysia (1984) telah mencatatkan pertambahan dalam jumlah guru bimbingan yang terlatih dan aktiviti-aktiviti bimbingan yang diadakan di sekolah. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1985, terdapat 888 orang guru bimbingan yang berkhidmat di sekolah. Daripada jumlah ini hanya 17 orang yang memiliki sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Manakala guru bimbingan yang lain pula pernah menjalani kursus bimbingan dan kaunseling. Oleh sebab bilangan guru bimbingan di sekolah-sekolah di Malaysia masih tidak mencukupi, perkhidmatan ini masih tidak dapat berfungsi dengan berkesan.

Universiti-universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Malaya mula menawarkan kursus-kursus diploma, sarjana muda dan sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling sejak tahun 1982.

Kemudiannya, baharulah bilangan guru bimbingan di sekolah semakin bertambah. Untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, Kementerian Pelajaran terus menganjurkan kursus dalam cuti, seminar, dan ceramah kaunseling untuk para guru bimbingan di Malaysia. Usaha ini sedikit sebanyak telah menyedarkan para pentadbir, guru dan pelajar tentang kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Selaras dengan itu, Kementerian Pendidikan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/96 bertarikh 11 Julai 1996 telah mula menempatkan seorang kaunselor sepenuh masa di setiap sekolah menengah di Malaysia yang bertugas dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Kaunselor sepenuh masa ditempatkan dan dikecualikan daripada beban tugas mengajar di sekolah supaya perkhidmatan dan kemahiran kaunselor dapat dimanfaatkan secara optimum untuk perkembangan dan pembangunan pelajar. Melalui Surat Pekeliling KP (BS) 8591/Jld. VIII/ (56) bertarikh 6 Mei 1997 pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan buku-buku yang harus dimiliki oleh kaunselor bagi tujuan memperkemas pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Buku-buku tersebut adalah seperti:-

- a. Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah.
- b. Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Gurubesar dan Guru.
- c. Tatacara Tindakan Penyalahgunaan Dadah.
- d. Buku Log Pembimbing Rakan Sebaya.
- e. Buku Log Skim Lencana Anti Dadah.

- f. Surat-surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan dengan peraturan, disiplin dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kaunselor juga dikehendaki menyediakan buku-buku rekod berikut bagi tujuan meningkatkan tahap profesionalisme perkhidmatan bimbingan dan kaunseling:

- a. Rancangan Tahunan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.
- b. Rancangan Mingguan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.
- c. Rancangan Harian Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.
- d. Rekod Penyata Perbelanjaan Unit Bimbingan dan Kaunseling.
- e. Laporan Aktiviti Kelab Bimbingan dan Kaunseling, Pembimbing Rakan Sebaya dan Persatuan Anti Dadah.
- f. Laporan Aktiviti Harian.
- g. Rekod Temuramah/Kaunseling.
- h. Borang Temu Janji Khidmat Kaunseling
- i. Borang Rujukan Khidmat Kaunseling
- j. Rekod Kaunseling Individu.
- k. Rekod Kaunseling Kelompok.

Memandangkan para kaunselor dikecualikan daripada beban tugas mengajar, mereka dikehendaki memberi sepenuh perhatian kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Oleh itu, harapan terhadap kaunselor sepenuh masa adalah tinggi dalam membantu pelajar menyelesaikan pelbagai masalah secara menyeluruh. Walau

bagaimanapun, persoalan yang timbul ialah sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sejak penempatan kaunselor sepenuh masa di sekolah. Adakah pihak pentadbir, para guru dan pelajar memperoleh manfaat daripada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan adanya kaunselor sepenuh masa di sekolah?

Kajian terhadap program bimbingan dan kaunseling sekolah wajar dijalankan untuk melihat perkembangan yang berlaku dalam program ini semenjak adanya penempatan kaunselor sepenuh masa. Memandangkan para guru merupakan golongan yang paling rapat dengan pelajar, adalah wajar untuk meninjau penilaian guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terutamanya sejak adanya kaunselor sepenuh masa di sekolah. Menurut Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) tugas guru mata pelajaran adalah untuk membantu:

- a. mengenal pasti pelajar-pelajar berisiko tinggi untuk intervensi kaunseling.
- b. mengumpul data untuk profil pelajar.
- c. memberi bimbingan ‘tunjuk ajar’.
- d. memberi maklumat kerjaya, pendidikan pencegahan dadah, latihan dan maklumat semasa.
- e. melaksanakan program dan aktiviti pelajar.
- f. pelajar bermasalah melalui konsultasi dengan guru bimbingan dan kaunseling.

Oleh sebab guru meluangkan kebanyakannya masanya dengan pelajar, para guru berperanan membantu kaunselor melaksanakan program dan aktiviti kaunseling untuk para pelajar. Kedua-dua pihak dapat berbincang bersama-sama tentang masalah pelajar di sekolah. Dengan itu, para guru dapat mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan supaya dapat dirujuk kepada kaunselor. Arbuckle (1950) berpendapat bahawa disebabkan guru berurusan dengan pelajar pada setiap hari, mereka harus dilibatkan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memandangkan pengaruh mereka yang besar ke atas pelajar.

Kaunselor sepenuh masa pula dikecualikan daripada beban tugas mengajar supaya mereka dapat memberi sepenuh perhatian kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kaunselor terpaksa bergantung kepada para guru untuk mendapatkan maklumat tentang diri pelajar. Oleh itu, kerjasama antara para guru dengan kaunselor adalah perlu untuk membantu pelajar. Menurut Ohlsen (1964) bimbingan merupakan satu usahasama antara kaunselor dengan para guru untuk membantu pelajar menyesuaikan diri di sekolah.

Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hanya akan berkesan dan berjaya jika mendapat sokongan dan kerjasama daripada para guru. Menurut Kazalunas (1978) perkhidmatan bimbingan hanya akan berkesan jika terdapat kerjasama antara guru, kaunselor dan pihak pentadbir. Ini menunjukkan bahawa kaunselor harus

bekerjasama dengan para guru dalam membantu pelajar yang memerlukan bantuan dalam bidang akademik, kerjaya dan peribadi. Melalui penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kaunselor dapat menilai semula peranan dan membaiki kelemahannya dalam membantu para pelajar di sekolah. Hughey, Gysbers dan Starr (1992) berpendapat bahawa melalui penilaian, kaunselor dapat membaiki dan memperkembangkan lagi perkhidmatan bimbingan di sekolah. Dengan membaiki kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, ini secara langsung dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kaunselor. Stiggins (1986) berpendapat bahawa penilaian bertujuan untuk membantu kaunselor meningkatkan kemahiran profesionalnya.

Dengan itu, kajian tentang pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah wajar dijalankan untuk menilai perkembangan bidang ini dari perspektif para guru sendiri.

1.2 Kerangka Teori

Penilaian merupakan satu proses untuk mengumpul, mengatur dan menginterpretasi maklumat tentang seseorang dan suasanya. Dalam kajian ini para guru sebagai sampel kajian akan menilai pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terutamanya semenjak kaunselor sepenuh masa ada di sekolah. Kajian bertujuan untuk menilai sejauh

manakah pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar dalam aspek akademik, peribadi dan vokasional mereka.

Para guru akan diminta memberi penilaian mereka berkenaan dengan aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Kajian akan menilai sama ada bilik bimbingan dan kaunseling mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.

Selain daripada kemudahan fizikal, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berperanan untuk membantu pelajar menghadapi masalah peribadi mereka. Sehubungan dengan itu, penilaian para guru terhadap peranan perkhidmatan ini dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi juga dijalankan. Apabila pelajar menghadapi masalah peribadi, ini akan menjelaskan prestasi mereka dalam bidang akademik. Dengan itu kajian juga akan melihat sejauhmanakah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling membantu pelajar dalam bidang akademik dari perspektif para guru.

Kecemerlangan dalam bidang akademik diikuti dengan keputusan yang tepat dalam bidang kerjaya. Pelajar perlu dibimbing supaya mereka dapat membuat perancangan kerjaya yang sesuai dengan keupayaan dan minat mereka. Oleh itu, kajian ini akan menilai sejauhmanakah perkhidmatan ini dapat membantu pelajar dalam bidang kerjaya.

Dalam membantu pelajar menghadapi masalah peribadi, akademik dan kerjaya, seseorang kaunselor harus memiliki personaliti yang menarik seperti memahami, prihatin

serta bersikap terbuka. Dengan itu kajian juga akan menilai keperibadian kaunselor di sekolah yang dikaji.

Selain itu, kajian juga memberi tumpuan kepada pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling. Responden akan diminta mengemukakan rintangan yang dihadapi apabila berurusan dengan kaunselor di sekolah yang dikaji. Para guru akan diminta memberi cadangan untuk membaiki pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji.

Diharapkan hasil daripada kajian ini, keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dapat ditingkatkan supaya para pelajar, guru dan ibu bapa dapat memperoleh manfaat daripadanya.

1.3 Pernyataan Masalah

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan satu perkhidmatan sokongan yang antara lain bertujuan untuk membantu pelajar supaya lebih bersedia menghadapi masalah pembelajaran, kerjaya dan peribadi di sekolah. Akibat daripada perubahan dalam sistem pendidikan kita, para pelajar perlu dibantu menyesuaikan diri dengan situasi sekolah dan masyarakat yang sentiasa berubah-ubah. Oleh itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah penting untuk membantu pelajar menghadapi masalah tersebut.

Menon (1983) telah menjalankan kajian menggunakan kaedah soal-selidik yang melibatkan 61 orang guru bimbingan dari 35 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Dapatan kajiannya mendapati bahawa 60.65% guru bimbingan merasakan bahawa kurang separuh daripada pelajar mengetahui peranan guru bimbingan mereka.

Kajian berbentuk temu ramah oleh Remley dan Albright (1988) ke atas 11 orang guru menunjukkan guru berpandangan negatif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan berharap kaunselor dapat meningkatkan keberkesanannya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Kaunselor juga diharap agar sentiasa berhubung serta memberi maklumbalas kepada guru tentang kemajuan pelajar-pelajar. 5 orang responden berpendapat bahawa kaunselor terlalu menumpukan perhatian terhadap kerja-kerja pentadbiran dan 3 orang guru berpendapat bahawa kebanyakan kaunselor tidak cekap dalam menjalankan tugasnya. Seorang responden pula berpendapat bahawa kaunselor mewujudkan perselisihan faham antara guru, pihak pentadbir dan pelajar. Seorang responden menyatakan bahawa kaunselor menggunakan kerja-kerja pentadbiran sebagai alasan supaya dapat mengelakkan diri daripada tugas kaunseling. Menurut seorang responden lagi kaunselor tidak menggunakan kemahiran dan latihan yang dipelajarinya dengan berkesan. Para guru juga berharap kaunselor dapat menganjurkan pertemuan antara guru, ibu bapa dan pihak pentadbir agar dapat berbincang bersama-sama untuk mengatasi masalah pelajar.

Walau bagaimanapun melalui kajian soal-selidik untuk menilai program bimbingan dan kaunseling oleh Gysbers dan rakan-rakan ke atas 150 orang guru dari sekolah-sekolah di daerah Missouri, Amerika Syarikat menunjukkan guru mempunyai pandangan positif terhadap program bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah yang dikaji. 80% guru mempunyai pandangan bahawa kaunselor ada melaksanakan program untuk menerangkan objektif dan aktiviti bimbingan kepada para guru dan ibu bapa.

Kajian temubual, lawatan dan soal-selidik yang dijalankan oleh Zoyah Haji Nordin (1989) ke atas 16 orang pentadbir, 18 orang guru kaunseling dan 85 orang guru kanan mata pelajaran di 9 buah sekolah menengah di negeri Selangor mendapati bahawa secara keseluruhannya ketiga-tiga pihak bersikap positif terhadap program bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Kajian oleh Vacc dan rakan-rakan (1993) melalui kaedah temu ramah dengan 15 orang pengetua dan 23 orang kaunselor sekolah di daerah Carolina Utara mendapati pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling harus dibaiki dari segi program yang dijalankan agar dapat membantu pelajar menghadapi masalah akademik, kerjaya dan peribadi mereka.

Hasil kajian yang telah dijalankan jelas menunjukkan bahawa kajian lanjut harus diadakan untuk meninjau pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian akan menilai pandangan guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan

kaunseling di salah sebuah sekolah menengah di daerah Petaling. Kajian akan menyelidik sama ada perkhidmatan kaunselor sepenuh masa dapat membantu pelajar membuat keputusan berkaitan dengan bidang akademik, kerjaya dan peribadi mereka. Para guru juga diminta memberi respon sama ada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berguna dan memberi faedah kepada pelajar dan guru.

Sampel kajian ini merupakan guru-guru yang akan diminta memberi penilaian mereka tentang pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah tersebut. Kajian juga akan menganalisis perbezaan penilaian para guru berdasarkan jantina, kaum, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja. Kajian ini juga ingin mendapatkan penilaian guru-guru bagi membaiki perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Dalam kajian yang berbentuk soal-selidik ini, diharapkan hasil penilaian para guru, akan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauhmanakah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu

pelajar menghadapi masalah dalam bidang akademik, kerjaya dan peribadi. Dengan lebih terperinci, kajian akan meninjau penilaian guru terhadap:

- a. aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- b. peranan perkhidmatan ini dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi.
- c. peranan perkhidmatan ini dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah akademik.
- d. pelaksanaan perkhidmatan maklumat kerjaya.
- e. keperibadian kaunselor.
- f. pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling.
- g. perbezaan penilaian keseluruhan mengikut jantina, kaum, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja guru.

Penilaian ini juga dibuat untuk menilai sejauhmanakah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji memberi manfaat kepada diri pelajar.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Dengan lebih khusus, kajian ini bertujuan untuk meninjau:

- a. Apakah penilaian para guru terhadap aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
- b. Apakah penilaian para guru terhadap peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi?
- c. Apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah akademik?
- d. Apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan maklumat kerjaya di sekolah yang dikaji?
- e. Apakah penilaian para guru terhadap keperibadian kaunselor di sekolah yang dikaji?
- f. Apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji?
- g. Adakah terdapat perbezaan penilaian keseluruhan mengikut jantina, kaum, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji?

1.6 Kepentingan Kajian

Falsafah Pendidikan Negara menekankan bahawa matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan individu yang berdisiplin, seimbang dari segi rohani, emosi dan intelek. Menurut Falsafah Pendidikan Malaysia pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan

bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlik mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keharmonian, kemakmuran masyarakat dan negara.

Dalam usaha untuk menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berfungsi untuk membantu pelajar di sekolah agar memahami keupayaan diri, dan seterusnya mereka lebih bersedia menghadapi cabaran hidup dan pembelajaran di sekolah. Dalam erti kata lain perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar memperkembangkan potensi mereka dari segi emosi, rohani dan jasmani.

Para pelajar dibantu menyedari kekuatan dan kelemahan dirinya melalui kaunseling supaya pelajar dapat memperkembangkan potensi yang sebenar. Ini adalah penting supaya pelajar dapat membuat perancangan masa hadapannya dengan lebih teratur dan sistematis.

Oleh sebab guru merupakan golongan yang selalu berhubung dengan pelajar, penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah penting untuk melihat sejauh manakah perkhidmatan ini memberi faedah kepada para pelajar di sekolah. Gysbers dan Henderson (1988) berpendapat bahawa dengan

menjalankan kajian penilaian keberkesanan perkhidmatan bimbingan, ini akan memanfaatkan para pelajar, ibu bapa, guru dan masyarakat.

Dengan menilai kekuatan dan kelemahan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dapat memanfaatkan para guru, ibu bapa dan pelajar. Malah langkah-langkah boleh diambil untuk membaiki kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Melalui perkhidmatan tersebut juga, para guru, ibu bapa dan pelajar dapat berbincang tentang masalah akademik, kerjaya dan peribadi yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di sekolah.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah menengah Gred A di daerah Petaling. Kajian ini hanya melibatkan para guru yang mengajar di sekolah tersebut. Dapatkan kajian merupakan maklum balas yang diperoleh daripada responden di sekolah yang dikaji sahaja. Hasil kajian tidak memberi gambaran yang menyeluruh dan terperinci terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah.

Kajian ini dirancang untuk menilai kaunselor yang telah lama berkhidmat di sekolah ini tetapi beliau telah mengambil cuti tanpa gaji selama setahun. Tempat beliau digantikan oleh seorang kaunselor wanita pada bulan Mei 1999 yang memiliki ijazah dalam bidang kaunseling dari Universiti Putra Malaysia. Pengalaman beliau dalam

bidang bimbingan dan kaunseling hanya selama beberapa bulan sahaja sejak mula bertugas di sekolah ini pada bulan Mei 1999. Dengan itu, kajian hanya memberi tumpuan kepada pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dikendalikan oleh seorang kaunselor sepenuh masa di sekolah yang dikaji. Diharapkan kajian ini merintis jalan kepada kajian-kajian yang dapat meneliti bidang ini pada masa akan datang.

1.8 Pengistilahan

Kajian ini meninjau penilaian guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Beberapa istilah penting yang perlu didefinisikan ialah:

1.8.1 Penilaian

Penilaian merupakan pengumpulan, organisasi dan interpretasi maklumat secara sistematis tentang seseorang dan suasanya. Ini bermaksud penilaian merupakan satu proses mengumpul, mengatur, dan menginterpretasi maklumat tentang seseorang dan suasanya secara teratur. Sebagai responden dalam kajian ini, para guru menganalisis, mentafsir, mengukur dan menentukan pelaksanaan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Para guru mengkaji sama ada perkhidmatan ini dapat membantu pelajar-pelajar dalam bidang akademik, kerjaya dan peribadi.

1.8.2 Pelaksanaan

Penggunaan yang sebenarnya terhadap idea atau amalan yang dicadangkan setelah diterima oleh pelaksana. Pelaksanaan dalam kajian ini bermaksud bagaimana kaunselor melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Kajian ingin mengetahui sama ada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat memberi manfaat kepada pelajar.

1.8.3 Bimbingan

Bimbingan adalah tindakan bersiri atau bertahap-tahap menuju ke arah tercapainya sesuatu matlamat. Bimbingan merupakan aktiviti teratur yang diadakan di sekolah bertujuan untuk membantu pelajar memenuhi keperluan akademik, kerjaya dan peribadi pelajar tersebut. Dengan bimbingan yang diberikan, para pelajar dapat memperkembangkan potensi dirinya. Menurut Pershing dan Demetropoulos (1981) bimbingan merupakan satu program yang teratur dan terancang untuk membantu pelajar memahami diri dan persekitaran mereka. Bimbingan juga bertujuan membantu pelajar membuat perancangan akademik dan kerjaya demi masa hadapan pelajar tersebut. Dengan adanya program bimbingan di sekolah, perkhidmatan ini dapat membantu pelajar memahami diri dan dunia mereka.

1.8.4 Kaunseling

Kaunseling pula didefinisikan sebagai suatu proses perhubungan menolong antara seorang kaunselor dengan seorang kaunseli atau klien. Menurut Pietrofesa (1984) kaunseling bermaksud membantu individu lain untuk memahami diri sendiri, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Kaunselor menggunakan kemahiran dalam membantu kaunseli memahami diri, masalah dan masa hadapan supaya kaunseli dapat meningkatkan diri potensi mereka dengan baik dan berkesan.